



TENGKU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH diiringi Daing Nasir Ibrahim (dua dari kiri) beramah mesra dengan sebahagian daripada penerima Anugerah Cemerlang dalam Majlis Konvokesyen UMP Ke-12 di UMP Gambang, Kuantan, semalam. - MINGGUAN/AHMAD ZAKKI JILAN

Terap nilai murni secara profesional

MINGGUAN

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) 19/11/17 (A HAD) M/S. 16

Oleh ZAMZURINA AHMAD
pengarang@utusan.com.my

■ KUANTAN 18 NOV.

PEMANGKU Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah mahu setiap graduan menghayati nilai-nilai murni bukan sahaja untuk kehidupan peribadi tetapi dalam melaksanakan tanggungjawab profesional di tempat kerja.

Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu yang memberikan nasihat tersebut berdasarkan pengalaman kepemimpinan baginda sepanjang kira-kira 40 tahun sebagai Tengku Mahkota Pahang bertitah, graduan adalah

sebahagian daripada komuniti insan terpelajar.

“Banyak masa, tenaga dan wang ringgit dilaburkan untuk melahirkan insan terpelajar. Janganlah kerana kesilapan pertimbangan atau kecuaian tindakan selepas ini, segala yang dilaburkan keluarga dan kerajaan menjadi sia-sia,” titah baginda dalam Majlis Konvokesyen UMP Ke-12 di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaacob dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam istiadat tersebut, Tengku Abdullah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengu-

rusan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan baginda dalam bidang berkenaan yang disempurnakan oleh Daing Nasir.

Tengku Abdullah bertitah, status sebagai graduan melayalkan mereka dilantik ke pelbagai jawatan di peringkat pengurusan dan profesional sama ada di sektor awam atau swasta yang mendahului kepada tanggungjawab serta kuasa membuat keputusan.

“Sekiranya nilai-nilai murni yang saya katakan itu tidak dihayati sepenuhnya dalam jiwa, pemikiran dan tindakan, pastinya ia mendaangkan risiko tinggi terlibat dalam penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah serta pelbagai bentuk jenayah kolar putih,” titah baginda.